



Bil.: **JHEAINS: KEW: 400-6/1 (44)**
01 Mac 2013.

Semua Ketua Penolong Pengarah
Semua Pengetua SMAN
Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah
Semua Guru Besar SAN.

**PEKELILING JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH
(JHEAINS) – BILANGAN 2/2013 PEMROSESAN TUNTUTAN BAYARAN
KERJA/BEKALAN**

1. **Tujuan**

- 1.1. Pekeliling ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk menambahbaik, memperkemas dan mempercepat proses tuntutan pembayaran kerja/perkhidmatan disamping mengurangkan teguran Jabatan Bendahari Negeri Sabah serta rungutan orang awam.

2. **Pendahuluan**

- 2.1. Pada umumnya, banyak rungutan daripada kontraktor dan pembekal perkhidmatan bahawa bayaran keatas tuntutan mereka adalah lambat diterima. Ini telah menimbulkan keresahan dan kesulitan kepada mereka dan boleh menjejaskan imej jabatan. Beberapa faktor yang dikenalpasti menyebabkan kelewatan pembayaran tuntutan kerja dan perkhidmatan adalah seperti berikut:
- Pegawai yang menerima permohonan tuntutan lambat mengambil tindakan;
 - Tidak ada tindakan susulan oleh pegawai keatas tuntutan yang tidak lengkap. Tindakan hanya diambil apabila pembuat tuntutan bertanya tentang kedudukan tuntutan mereka;
 - Banyak teguran oleh Jabatan Bendahari Negeri keatas baucer-baucer pembayaran.

